



LAPORAN LIPUTAN MEDIA KHAMIS / 12 APRIL 2018

- 1. MINIMUNKAN 'PADI ANGIN' MAKSIMUMKAN HASIL.**
 - SINAR HARIAN

- 2. RM7 JUTA BANTUAN KHAS PESAWAH**
 - SINAR HARIAN

- 3. PRODUK KOSMESTIK BUAH NANAS**
 - MEGA UTUSAN

- 4. TEKUN BANTU OPTOMETRIS LEBAR PERNIAGAAN**
 - BERITA HARIAN

- 5. CIPTA KEJAYAAN HASIL MANFAAT PROGRAM NTP**
 - BERITA HARIAN

**DISEDIAKAN OLEH:
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)**

RM7 juta bantuan khas pesawah

SITI FATMIAH AWANG

KOTA BHARU

Kerajaan memperuntukkan lebih RM7.148 juta elain bantuan pesawah dan bantuan banjir untuk kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) tahun ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, pembahagian elain itu melibatkan beberapa kawasan iaitu Kota Bharu Selatan, Kota Bharu Utara, Bachok, Pasir Puteh, Pasir Mas dan Tampar.

Menurutnya, elain tersebut juga melibatkan elain bantuan pesawah iaitu RM200 seorang setiap bulan selama tiga bulan dan bantuan banjir.

"Untuk elain pesawah, seramai 5,368 penerima menerima peruntukan tersebut hari ini (semalam) dengan jumlah RM691,000 dan elain banjir seramai 1,534 dengan



MOHD NAZRI



RAIS ISMAIL

peruntukan sebanyak RM3.927 juta," katanya pada majlis Pemberian Bantuan Elain Khas Pesawah dalam kawasan Kada di Dataran Kada, di sini.

Turut hadir, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki; Pengerusi Kada, Datuk Md Alwi Che Ahmad dan Ahli Parlimen Ketereh, Tan Sri Annuar Musa.

Ahmad Shabery berkata, untuk elain bantuan pesawah, Kota Bharu Selatan mencatatkan penerima paling ramai iaitu 1,153 orang

diikuti Bachok 1,141 orang, manakala Kota Bharu Utara mencatatkan penerima paling sedikit iaitu 588 orang.

Katanya, untuk bantuan banjir Pasir Puteh mencatatkan penerima paling ramai iaitu 523 orang, manakala Kota Bharu Utara pula mencatatkan penerima paling sedikit iaitu hanya 56 orang.

Sementara itu, seorang penerima, Mohd Nazri Daud, 46, dari Unit Kubang Kiat berkata, sumbangan tersebut dapat mengurangkan bebanan mereka terutama menjelang puasa dan hari raya. "Alhamdulillah, dapat



Ahmad Shabery beramah mesra dengan penerima elain, semalam.

bantu sedikit sebanyak bebankan keluarga, terima kasih kerana kerajaan sentiasa menjaga kebajikan kami semua," katanya.

Perkara sama diiktiraf Rais Ismail, 59, dari Unit Padang Tengah, Ketereh yang turut berharap peruntukan tersebut dapat ditambah dari

semasa ke semasa selepas ini.

"Semoga kerajaan dapat pertimbangan untuk bagi lebih lagi selepas ini. Insya-ALLAH kita guna sebaik mungkin bantuan tersebut untuk bantu keluarga dan sebagainya.

"Sebagai pesawah, kami

merang-mengharapkan kerajaan mengambil peduli kebajikan kami," katanya.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak melancarkan bantuan khas RM200 sebulan yang akan diberi secara 'one-off' selama tiga bulan untuk pesawah di seluruh negara.

PPK Chetok terharu keprihatinan menteri

CHETOK - Pada 1979, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Chetok melakar sejarah apabila menerima kunjungan perdana menteri ketiga, Allahyarham Tun Hussein Onn.

Setelah lebih 40 tahun berlalu, sekali lagi PPK Chetok mencipta kenangan istimewa apabila menerima kedatangan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek sempena Program Hari Terbuka Peladang, semalam.

Lebih menarik, Pengerusi PPK Chetok, Wan Abdullah Wan Jusof berkata, pengumuman Ahmad Shabery untuk menaik taraf PPK Chetok memberi kelegaan kepada kakitangan dan ahli peladang kawasan berkenaan.

Ini kerana katanya, sesuai dengan peredaran masa berikutan bauran PPK Chetok dibina pada 1974.

"Saya dan ahli-ahli Peladang sangat terharu apabila beliau mencadangkan supaya PPK



Ahmad Shabery menyampaikan hadiah ciptaan bertuah kepada ahli Peladang, pada Program Hari Terbuka Peladang, semalam.

Chetok dilengkapi dengan kemudahan dewan terbuka.

"Selain digunakan untuk program PPK, dewan itu dapat digunakan dalam pelbagai majlis kerana besarnya pendakap," katanya.

Wan Abdullah berkata, kos pembinaan menggunakan bajet

Peladang sedia ada akan meningkatkan lagi tamk kemajuhan serta ekonomi setempat.

Sementara itu, ahli PPK Chetok Unit Kubang Cherok, Rujayyah Derahman, 63, berkata, dia antara 2,000 ahli yang berdaftar di sini. Katanya, dia sentiasa berurusan



Ketua Pengarah LPP, Hantzah Bahari (dua, kanan) mengiringi Ahmad Shabery ketika sampulikan semula cek kepada wakil PPK Rantau Panjang.

dengan PPK Chetok melibatkan isu-isu perladangan dan pemergaan.

"Sebelum ini saya tidak jangka jadi usahawan, sehinggalah saya dapat pendedahan dari PPK ini.

Selain menawarkan kursus, PPK turut menawarkan modal usaha, modal saham dan kebajikan

kepada ahlinya," katanya.

Melihat kejayaan disalurkan PPK, Rujayyah berkata, dia akan menarik lebih ramai ahli baharu terutama generasi muda untuk meringkatkan tawar hidup melalui bantuan ditawarkan kerajaan.

inovasi 154
BERITA
bhvarsiti@bh.com.my

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

Produk kosmetik buah nanas

[FOTO DAN VIDEO ZULFADHLI ZULKIFLI / BH]

Water-Dispersible Nanostructured Bromelain

→ 2008 produk mula dibangunkan
→ 2018 produk mula dipasarkan
→ RM50 harga sebotol produk bagi kandungan 100 mililiter

BH PLUS
di www.bharian.com.my
sila klik ikon gambar dan video

Permintaan tinggi
Rosnani berkata, pembanguan inovasi berkenaan juga mampu mempelbagai permintaan pasaran bagi produk kosmetik, meningkatkan kelebihan yang ada pada sumber tempatan kepada pengguna, memperbanyakkan pembuatan produk kosmetik, selain meningkatkan kelembapan kulit.

Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, baru-baru ini.

Permintaan tinggi pengguna dan pekilang terhadap produk kosmetik yang mengandungi bahan semula jadi turut membantu meningkatkan pengeluaran produk seumpamanya.

Selain itu, pendedahan kulit dalam tempoh lama terhadap cahaya matahari sehingga mengakibatkan jerawat, alahan dan keradangan, selain kos mahal bagi mendapatkan rawatan permasalahan kulit, inovasi *Water-Dispersible Nanostructured Bromelain* mampu menjadi produk pilihan berkesan.

Berkongsi cabaran membangunkan inovasi terbahit, Rosnani berkata, kesukaran paling utama dialami kumpulan penyelidik itu adalah bagi mengenalpasti gabungan bahan asas disediakan tidak sensitif terhadap pengguna dan boleh diaplikasikan ke atas semua jenis kulit.

"Produk dipasarkan dalam bentuk botol ini boleh digunakan beberapa kali sehari apabila penggu-

na merasakan kulit mereka terdedah lama kepada matahari, terlalu kering atau kurang segar.

"Cara penggunaannya juga mudah, iaitu dengan hanya menyembur ke bahagian wajah sama ada tanpa solekan atau di atas permukaan solekan.

"Saiz kandungan molukel bahan yang kurang daripada 200 nanometer membolehkan semburan ini masuk ke dalam kulit untuk mengekalkan keanjalan," katanya.

Dr Rosnani (tengah) bersama produk Water-Dispersible Nanostructured Bromelain sempena Pameran Penyelidikan dan Pembangunan Ekspo Teknologi Malaysia di PWTC.

Masalah kekeringan dan keradangan kulit akibat terdedah kepada sinaran matahari dialami atlet atau pekerja lapangan, mencetuskan idea kepada sekumpulan penyelidik daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk membangunkan inovasi *Water-Dispersible Nanostructured Bromelain*.

Inovasi itu dibangunkan Dr Rosnani Hasham@Hisam, Siti Fatimah Mohamad, Prof Ir Dr Ani Idris, Farah Diana Ariffin dan Siti Hajar Mat Sarip.

Rosnani yang juga ketua penyelidikan, berkata inovasi dalam bentuk cecair semburan terbahit dihasilkan daripada bahan buah nanas seperti kulit, batang tengah dan daun.

"Inovasi dibangunkan dengan kerjasama Lembaga Nanas Malaysia-ini, menyaksikan pengambilan bahan aktif daripada bahagian buah berkenaan yang dinamakan bromelin, sebelum diestrukturkan menggunakan sistem *nanocapsulated* untuk menghasilkan mineral produk.

"Kita menggunakan bromelin kerana bahan ini bersifat antiradang. Bahan ini juga cepat dan mudah menyerap serta sesuai diaplikasikan ke atas kulit setiap hari," katanya ketika ditemui pada Ekspo Teknologi Malaysia (MET) 2018 di

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH : 12 APRIL 2018 (KHAMIS)
PERKARA : PERTANIAN

TEKUN bantu optometris lebar perniagaan



Rozalina Ayu (dua dari kanan) dan Firdaus merangka strategi perniagaan bersama pekerja di premis Damai Optometry, Kluang.

Kluang: Bermula daripada cawangan pertama di Batu 4 Kluang, Damai Optometry Centre kini semakin melebarkan perniagaan kedai cermin matanya dengan membuka dua lagi cawangan di Tanjung Malim, Perak dan Jalan Rambutan, di sini.

Selepas sembilan tahun, Damai Optometry yang diusahakan Rozalina Ayu Ishak, 33, suaminya, Nor Firdaus Yahya, 33, bersama dua lagi rakan kongsi semakin kukuh.

Rozalina yang juga optometris bertaualih berkata, usahanya bersama suami dan rakan kongsi membuka cawangan baharu Damai Optometry di Tanjung Malim, Perak pada 2012 tidak akan terlaksana tanpa pinjaman mudah Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN) berjumlah RM30,000.

Katanya, sebagai pengusaha kedai cermin mata Bumiputera pi-

haknya berhadapan kekangan modal dalam menambah cawangan serta mendapatkan stok baharu mengikut permintaan pelanggan.

"Namun TEKUN sebagai agensi pinjaman banyak berjasa bukan saja dalam memberi pinjaman mudah malah menawarkan kadar faedah rendah serta manfaat lain yang menarik.

"Damai Optometry adalah satu-satunya kedai cermin mata milik Bumiputera berhadapan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan pelanggan utama kami terdiri daripada penuntut serta pensyarah di sana.

Saingan sengit

"Malah berikutan permintaan pelanggan cawangan ketiga Damai Optometry dibuka di Jalan Rambutan di bandar ini bagi memudahkan mereka mendapatkan perkhidmatan kami di sini," katanya.

Rozalina Ayu berkata, saingan perniagaan kedai cermin mata amat sengit. Hanya perkhidmatan terbaik dengan stok barangan berkualiti serta pakej harga munasabah akan mendapat tempat.

Jalin kerjasama dengan sekolah

Katanya, dalam mendapatkan pelanggan baharu, Damai Optometry menjalinkan kerjasama dengan sekolah di daerah itu dengan menawarkan perkhidmatan pemeriksaan mata percuma.

"Damai Optometry sudah menjalankan perkhidmatan pemeriksaan mata percuma kepada lebih 20 sekolah rendah di daerah ini sejak 2013.

"Mulai tahun lalu juga, kami memberikan lima cermin mata percuma kepada murid kurang berkemampuan di sekolah yang dilawati," katanya.

Cipta kejayaan hasil manfaat program NTP

➔ Usahawan muda buktikan sektor pertanian beri hasil lumayan

Oleh Rosman Shamsudin
cnews@nstp.com.my

► Slim River

Pertanian adalah perniagaan. Itu yang mahu disampaikan oleh bekas Usahawan Muda Kebangsaan 2013 yang berjaya besar, Datuk Kassim Yaacob, 34, yang mencipta kejayaan hasil pembabitannya dalam sektor perladangan kelapa sawit.

Beliau adalah seorang daripada anak muda yang berjaya menerusi Program Transformasi Negara (NTP) diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak setelah menerima peruntukan daripada pihak kerajaan.

Pada awal pembabitannya, beliau menerima peruntukan RM100,000 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) pada 2010 untuk membuka pusat timbang sendiri

melalui usaha sama Koperasi Pekebun Kecil Negeri Selangor Berhad.

Di samping itu, pengalaman beliau mengurus ladang dan ternakan lembu selama empat tahun dengan ayahnya Yaacob Mohammed, 60, digunakan sepenuhnya sebaik tamat pengajian peringkat diploma di Institut Teknologi Perak iaitu program kerjasama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor.

Hasil kerja keras berguru

Bertitik tolak daripada itu, beliau mengorak langkah menyediakan perkhidmatan mengangkut kelapa sawit dari pekebun kecil ke pusat timbang, kontrak pembersihan ladang dan membuka ladang sendiri sambil mengusahakan ladang kelapa sawit ayahnya.

"Bukan mudah untuk mencapai kejayaan. Ia hasil kerja keras saya berguru dengan ayah, selain mahu



Kassim memberi arahan kepada pekerja ketika meninjau pusat timbang kelapa sawit di Slim River.

membuktikan bahawa bidang pertanian mampu memberi hasil menguntungkan dan menjamin masa depan.

"Bagi saya, apa yang penting ialah usaha dan tiada istilah putus asa. Bukan mahu mendabik dada tetapi apa yang mahu saya tekankan ialah apabila kita melakukan sesuatu, lakukan dengan bersungguh-sungguh dan kita akan dapat lihat hasilnya walaupun lambat.

"Usaha pihak kerajaan menjalin kerjasama dengan negara luar di peringkat antarabangsa melalui perjanjian usaha sama bagi mengeksport kelapa sawit mentah dan produk berasaskan kelapa sawit turut memberi keuntungan kepada peladang terutama saya sendiri yang turut terkesan daripada usaha kerajaan," katanya yang berasal dari Kampung Alah Batu, di sini.

Beliau yang juga Pengerusi Pe-

ladang Muda Negeri Perak berkata, berkat kesabaran dan kesungguhan selepas menerima peruntukan dari KKLW pada 2013, beliau membuka ladang dengan usaha sama Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Slim River seluas 80 hektar di Ulu Slim, di sini.

Katanya, apabila melihat potensi besar dalam sektor perladangan kelapa sawit, beliau tidak teragak-agak membuka ladang di pinggir kampung dan 72 hektar lagi di Bagan Datuk dengan usaha sama Koperasi Bagan Datuk.

Sementara, bakinya digunakan untuk membeli tanah bagi menanam sawit yang kini mempunyai keluasan 320 hektar milik sendiri.

Di samping itu, bagi menambah pembelian kelapa sawit, beliau juga membuka 14 pusat timbang milik sendiri dan usaha sama serta membuka bengkel lori dan jentera berat untuk menguruskan ladang

dan pembukaan ladang yang baharu.

Kassim yang lebih dikenali sebagai KY berkata, kini beliau mempunyai pejabat urusan, bangunan perniagaan untuk restoran dan gimnasium, kedai gunting rambut, insurans kenderaan, pusat pendidikan, pusat permainan kanak-kanak dan terbaru mengeluarkan produk kesihatan dan kecantikan jenama KY Herbs di bawah KY Group.

Produk kuasai pasaran negara

Enam produk KY Herbs yang menggunakan herba tempatan kini mula diperkenalkan di pasaran dengan kira-kira 10,000 unit, berjaya dijual di pasaran Perak sahaja dalam tempoh dua bulan diperkenalkan.

Katanya, menjelang hujung tahun ini produk KY Herbs bakal menguasai pasaran di seluruh negara.